

# ICoE-Rel UTHM terima geran RM1 juta

BATU PAHAT - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) terus diberi kepercayaan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk membantu proses transformasi pengangkutan rel di negara ini apabila menerima geran bernilai RM1 juta.

Pemberian geran kepada Pusat Kecemerlangan Industri-Rel (ICoE-Rel) UTHM itu kerana universiti berkenaan mempunyai kepakaran dan pengalaman dalam industri rel sejak 2012 melalui program Sarjana Sains Kejuruteraan Pengangkutan Rel.

Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Datin Paduka Dr Siti Hamisah Tapsir berkata, ICoE-Rel merupakan pusat latihan dan penyelidikan industri rel yang dipertanggungjawabkan untuk pengumpulan, penganalisan,



Hamisah (empat, kanan) menyerahkan replika cek kepada Wahid (empat, kiri) sebagai simbolik penyerahan geran sebanyak RM1 juta kepada UTHM untuk membantu negara dalam penyelidikan industri pengangkutan rel.

penilaian dan pengurusan data serta penyebaran hasil penyelidikan dalam bidang rel untuk kegunaan agensi kerajaan dan bukan kerajaan di Malaysia.

Menurutnya, pusat itu juga bertindak sebagai platform utama untuk menjalin hubungan dan kolaborasi penyelidikan

di peringkat nasional serta antarabangsa.

"KPT yakin UTHM dan ICoE-Rel dengan kerjasama erat industri pengangkutan rel dalam negara dan antarabangsa akan berjaya meletakkan Malaysia sebagai hab pendidikan teknologi tinggi yang dinamis bidang rel di peringkat

antarabangsa menjelang 2025," katanya.

Beliau berkata demikian semasa majlis penyampaian geran berkenaan ketika Festival Research and Innovation (R&I) UTHM 2017 di Dewan Sultan Ibrahim di sini, yang turut dihadiri Naib Canselor UTHM, Profesor Dr Wahid

Razzaly.

Sementara itu, mengulas festival berkenaan, beliau menyokong usaha UTHM mempamerkan hasil inovasi dan penyelidikan yang dilakukan warga universiti terbabit.

"Dengan adanya penganjuran festival ini, ia akan menjadi platform untuk mengenal pasti hasil yang berkualiti dan mempunyai potensi untuk diketengahkan ke pertandingan tertentu, selain boleh dikomersialkan," katanya.

Festival kali ini berjaya mengumpul sebanyak 174 produk untuk dipertandingkan mengikut kategori staf, penuntut dan sekolah dengan penilaian berteraskan tiga bidang iaitu Applied Research, Fundamental Research dan Innovative Product Research.